

Pengusaha bas sekolah mahu kerajaan pertimbang subsidi petrol

Seremban: Persatuan Pengusaha Bas Sekolah Seremban (PPPBS) menuntut kerajaan mempertimbang pemberian subsidi bahan api petrol dan diesel pada paras RM1.50 se-liter bagi meringankan beban pengusaha bas.

Pengerusinya S Silverrajoo berkata, kadar harga bahan api sedia ada ketika ini tidak dapat menampung kos operasi yang tinggi.

Katanya, pengusaha bas

sekolah juga perlu mematuhi arahan kerajaan untuk menukar bas yang berusia lebih 30 tahun sebagai langkah keselamatan penumpang meskipun di luar kemampuan mereka.

"Kami juga perlu mengeluarkan belanja besar untuk menukar bas baru seperti diarahkan pihak berkuasa yang meminta menggantikan bas berusia lebih 30 tahun.

"Pelbagai kekangan perlu

Pelbagai kekangan perlu ditadapi pengusaha bas sekolah ketika ini kerana kos operasi yang tinggi dan di luar kemampuan mereka"

S Silverrajoo

dihadapi pengusaha bas sekolah ketika ini kerana kos operasi yang tinggi dan di

luar kemampuan mereka. "Bukan itu saja, pengusaha juga terpaksa bersaing dengan bas sekolah atau van haram," katanya selepas Majlis Minum Petang Bersama Pengusaha Bas Negeri Sembilan di Sikamat di sini, semalam.

Majlis dirasmikan Pengurus Jawatankuasa Bertindak Kesejahteraan Bandar, Perumahan Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru negeri Teo Kok Seong.

Mengulas lanjut, Silverrajoo berkata, perkhidmatan bas sekolah berbeza dengan pengangkutan awam yang lain kerana mereka mengenakan kadar caj yang rendah kepada murid serta pe-lajar.

Sementara itu, Kok Seong memberi jaminan kerajaan negeri akan berusaha membantu PPPBS kerana ia turut membabitkan kepentingan ibu bapa, murid dan pelajar.